

<b>Headline</b>	<b>Pasukan petugas pantau pokok teduhan adakan mesyuarat pertama bulan ini - Dr Zaliha</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Sinar Harian</b>		
<b>Date</b>	<b>05 Jun 2024</b>	<b>Color</b>	<b>Black/white</b>
<b>Section</b>	<b>Nasional</b>	<b>Circulation</b>	<b>140,000</b>
<b>Page No</b>	<b>13</b>	<b>Readership</b>	<b>420,000</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>113 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 1,266</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 3,797</b>



## Pasukan petugas pantau pokok teduhan adakan mesyuarat pertama bulan ini - Dr Zaliha

**PUTRAJAYA** - Pasukan petugas yang ditubuhkan untuk memantau secara terperinci dan menyelenggara pokok-pokok teduhan di sekitar ibu negara akan mengadakan mesyuarat pertama bulan ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa berkata, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) juga dijemput bagi menghadiri mesyuarat itu yang belum ditetapkan tarikhnya.

Beliau berkata demikian kepada pemerhati selepas menyaksikan majlis meraikan memorandum persefahaman (MoU) dan perjanjian Bekalan Tenaga Boleh Baru (SARE) antara Perbadanan Putrajaya

dan Tenaga Nasional Berhad di sini pada Selasa.

Pasukan petugas itu turut melibatkan badan bukan kerajaan, arboris (pakar tumbuhan berkayu) dan pakar dari Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Ditanya mengenai cadangan KPKT tentang perlunya pihak berkuasa tempatan (PBT) mempunyai arboris dalam perkhidmatan bagi menambah baik pengurusan landskap di setiap kawasan perbandaran, Dr Zaliha menyambut baik cadangan itu.

"PBT di Wilayah Persekutuan sememangnya mempunyai arboris serta kepakaran luar," katanya. - Bernama